



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 DAN 21 FEBRUARI 2020 (KHAMIS DAN JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- CCTV kesan pemandu lori buang sampah haram 30

Harian Metro

- Restoran nasi kandar popular dikompaun 10

The Star

- Technology boost for rubber 15



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	CCTV kesan pemandu lori buang sampah haram
Muka Surat	30

SH 20/2/2020 ms 20

CCTV kesan pemandu lori buang sampah haram

GOMBAK - Perbuatan seorang pemandu lori mengambil jalan mudah dengan membuang sampah di tempat larangan bawa padah apabila aktiviti itu berjaya dirakam rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

Pengarah Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selangor (MPS), Mohamad Zin Masoad berkata, CCTV itu dipasang MPS di beberapa kawasan panas tapak pembuangan sampah haram sebagai usaha membendung aktiviti berkenaan.

Menurutnya, MPS berjaya mengesan pelaku melalui nombor pendaftaran lori itu sebelum ke rumahnya untuk memberi notis kompaun.

"Perbuatan itu dirakam di Pasar Moden Seri Gombak Fasa 3 di Taman Seri Gombak. MPS kemudian merujuk nombor pendaftaran lori dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mengesan pemiliknya.

"Pihak MPS ke rumah pemilik itu untuk menyerahkan kompaun sebanyak RM1,000 di bawah Seksyen 4, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPS) 2007," katanya dalam satu kenyataan di



Lori yang ditemui di rumah pemiliknya untuk diserahkan kompaun MPS baru-baru ini.

sini kelmarin.

Katanya, MPS memandang serius kegiatan pembuangan sampah haram dan akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa.

"CCTV yang dipasang akan digunakan sebagai bahan bukti untuk memburu mana-mana individu yang melakukan kesalahan sama," katanya.



Sampah yang dibuang pemandu lori di Pasar Moden Seri Gombak Fasa 3 baru-baru ini.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 FEBRUARI 2020 (JUMAAT)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Restoran nasi kandar popular dikompaun
Muka Surat	10

lokal

4m 21/2/2020

Georgetown: Sebuah restoran nasi kandar popular di Jalan Gurdwara, dekat sini, dikenakan dua kompaun kerana dikesan melakukan kesalahan meletakkan makanan di atas lantai, semalam.

Malah, telur direbus di dapur premis itu didapati tidak dicuci dengan bersih kerana ada kotoran, sekali gus dikhuatiri boleh menyebabkan pencemaran silang.

Berikutan itu, restoran terbabit dikompaun RM200 oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam operasi di sini.

Pegawai Kesihatan Persekitaran Bahagian Pelesenan MBPP M Bawani berkata, dua lagi restoran nasi kandar di lokasi sama masing-masing menerima tiga dan satu kompaun.

"Pengendali makanan didapati tidak mengambil suntikan tifoid yang diwajibkan ke atas mereka. Semua kompaun dikeluarkan



Restoran nasi kandar popular dikompaun

BANGKAI tikus yang ditemui di tempat menyimpan barang jualan.

berjumlah RM420," katanya.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP mengeluarkan kompaun RM500 berikutan menerima aduan mengenai sisa makanan disalurkan ke parit awam.

Katanya, semua kesalahan

disabitkan mengikut Undang-Undang Kecil (Establishment Makanan) MPPP 1991.

Selain tiga premis nasi kandar itu, pemeriksaan dilakukan ke atas sebuah restoran di Jalan Macalister manakala dua lagi

BAWANI (kiri) menunjukkan najis yang melekat di telur rebus.

adalah kedai runcit dan restoran di Jalan Gurdwara.

Katanya, ketiga-tiga premis itu diarah tutup 14 hari bermula semalam hingga 4 Mac depan berikutan ada najis serangga perosak di dapur dan tempat menyimpan barangan makanan.

"Satu daripada premis itu kedai runcit, dan ia didapati turut dijadikan sebagai kedai menjual makanan dan minuman.

"Pegawai kami menjumpai bangkai tikus di tempat menyimpan barangan jualan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 FEBRUARI 2020 (JUMAAT)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Technology boost for rubber
Muka Surat	15

Views 15

TS 20/2/2020 ms 15

Technology boost for rubber

I REFER to the article "Driven by passion to boost ailing local rubber industry" (*Sunday Star*, Feb 16). The development of the Cuplump Modified Bitumen (CMB) technology, which uses coagulated rubber produced by smallholders in Malaysia, for road construction is indeed commendable.

The article is an eye-opener for many in this country, especially those linked to the rubber industry whether directly or indirectly, and it is good to learn how innovative our researchers and scientists have been in this sector.

It was also heartening to see the Malaysian Rubber Board (MRB) pushing women to the forefront in trying to rejuvenate the rubber industry, which was pioneered by Malaysia globally.

Due to the huge challenges posed by massive industrialisation and the migration of youths to cities, serious efforts are needed to turn the industry around.

I am wondering why the MRB kept the CMB innovation under wraps for so long instead of trying to market it not only to Malaysian road builders but also globally. I guess it needs to do better marketing in this respect.

What I could read between the lines was the difficulties MRB was facing in trying to get local private road builders and the Public Works



New use for rubber: Malaysian Rubber Board scientist Mahirah Mohd Idris (left) at a test road being built using CMB. — Malaysian Rubber Board.

Department (JKR) to support the rubber smallholders by using CMB to build roads.

The article stated that Malaysia has a road network of 250,000km. One can only imagine the massive boost this would give to the poor rubber smallholders if slowly but surely all roads are converted to rubberised roads using CMB as an aggregate.

The government spends billions of ringgit annually to build and maintain roads. If even 10% of this goes towards CMB purchase, the smallholders would be in for better times.

As much as I can understand the concerns of road builders who may argue that it is currently more costly to use CMB, a fact to which MRB has conceded, I wish to point out

that if you bring in the argument of economy of scale, builders, smallholders and the rubber industry would be the beneficiaries.

It would definitely see a proportionate saving in costs which is gained by an increased level in production. So the government and government-linked companies building roads must commit themselves to improving the lives of the rural folks who are suffering.

Of course, the chain reaction from this commitment would be immense, including alleviating the burden of rubber smallholders who are struggling to make a living.

And the government would even be able to stop the cash incentive it is doling out during the rainy season when the rubber yield drops.

I believe the government needs political will to push through this agenda, as the current builders are all the big players in the construction industry who would surely oppose any move to reduce their role and thus their profits.

Coming from a rubber smallholding family, I know the difficulties faced by this group of tappers. I sincerely urge the government to use this great innovation wisely to benefit the poor.

SON OF A TAPPER
Kuala Kangsar